



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PENOLAKAN PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN KE ATAS
PEWARTAAN SEMUA TEMPAT MAKAN AWAM TERBUKA SEBAGAI KAWASAN
LARANGAN MEROKOK OLEH KKM**

Saya amat mengalu-alukan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini yang telah menolak permohonan semakan kehakiman ke atas pewartaan semua tempat makan awam terbuka sebagai kawasan larangan merokok oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Keputusan ini secara tidak langsung mewajarkan tindakan KKM yang telah memastikan setiap tindakan dilakukan secara teliti dan berlandaskan kepada peruntukkan dan ketetapan undang-undang sedia ada.

Keputusan ini juga memberikan suntikan semangat kepada warga KKM khususnya warga Program Kesihatan Awam, untuk terus perjuang dan pertahankan polisi ini.

Tujuan utama penguatkuasaan larangan ini adalah untuk melindungi orang awam dari bahaya asap rokok, terutamanya kepada mereka yang terdedah secara pasif. Larangan yang telah lama berkuatkuasa di 22 tempat awam lain sejak tahun 2005, hanya sekadar diperluaskan tahun ini untuk meliputi tempat makan awam terbuka.

Walaupun tiada tempat merokok disediakan di tempat-tempat makan, ia tidak bermaksud hak perokok untuk merokok telah disekat atau terhakis kerana perokok masih boleh merokok di luar kawasan larangan. KKM telah menetapkan jarak minima yang munasabah untuk perokok meneruskan kegiatan mereka tanpa mengganggu kesihatan dan keselesaan orang lain.

Ingin saya tekankan di sini bahawa tidak pernah saya mahupun KKM secara amnya menganggap golongan perokok sebagai musuh kami. Malah, kami sangat mengambil berat terhadap kesihatan rakyat dan komited untuk mempertahankan persekitaran yang sihat agar kesihatan setiap lapisan rakyat terbela. KKM juga tidak mendiskriminasi perkhidmatan kesihatan yang diberikan terhadap pesakit dari golongan perokok atau bukan perokok.

Saya bersama-sama pengurusan tertinggi KKM komited untuk melaksanakan penguatkuasaan sepenuhnya larangan merokok di tempat makan awam terbuka mulai 1 Januari 2020. Tempoh bagi aktiviti penguatkuasaan pendidikan akan berakhir pada 31 Disember 2019.

Terima kasih dan syabas kepada seluruh warga kerja KKM, Badan-Badan Bukan Kerajaan serta setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu KKM menjayakan usaha ini.

Kesihatan rakyat, tanggungjawab kita bersama.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
Menteri Kesihatan Malaysia

29 Oktober 2019